

MOT BULETIN

Edisi 10



Lawatan Kerja YB Menteri Pengangkutan dan YB Timbalan Menteri ke Pusat Operasi LRT Laluan Kelana Jaya

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan dan YB Dato' Kamarudin bin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Operasi LRT laluan Kelana Jaya pada 1 Oktober 2018 (Isnin). Semasa sesi lawatan tersebut, YB Menteri dan YB Timbalan Menteri bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan pihak pengurusan Prasarana telah menaiki tren dari Stesen LRT Bukit Jalil laluan Sri Petaling ke stesen LRT Damai sebelum tiba di Depoh Lembah Subang dan seterusnya ke Pusat Operasi Laluan Kelana Jaya untuk mendengar taklimat. Semasa lawatan tersebut, YB Menteri telah menyarankan supaya Prosedur Operasi Standard (SOP) baharu dikuatkuasakan serta merta iaitu satu sidang media perlu diadakan jika kelewatan tren Transit Aliran Ringan (LRT) Rapid KL melebihi 15 minit bagi memberikan maklum balas dengan lebih pantas kepada orang ramai jika sebarang kelewatan perkhidmatan berlaku dan bagi mengelak kesesakan di stesen-stesen. Semua kelewatan membabitkan masalah teknikal melebihi 15 minit di kategorikan sebagai "gangguan utama" dan perlu diadakan sidang media oleh pihak pengurusan Prasarana (Prasarana Malaysia Bhd). SOP ini juga akan turut dilanjutkan kepada pengangkutan awam yang lain seperti KTM pada masa akan datang.

Pada 11 Oktober 2018 (Khamis) YB Dato' Kamarudin bin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sembilan, diiringi oleh YBhg. Encik Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT dan turut disertai oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran A/L Muniayan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOT dan YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat dan disambut oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Shahrudin bin Khalid. Semasa lawatan tersebut, Pengarah JPJ Negeri Sembilan, Encik Azrin bin Borhan telah memberikan taklimat ringkas mengenai fungsi, fasiliti dan pengoperasian pejabat JPJ Negeri Sembilan.



Lawatan Kerja YB. Timbalan Menteri ke Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sembilan

#Info Psikologi

Kebijaksanaan menjanjikan kejayaan dan kebahagiaan tetapi jika disalahgunakan akan mewujudkan penderitaan.

MOT Fun Walk & Run 2018' Sempena Sambutan Hari Sukan Negara



Bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara Tahun 2018, Kementerian Pengangkutan Malaysia turut tidak ketinggalan untuk mengadakan Program 'MOT Fun Walk & Run 2018' yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan pada 13 Oktober 2018 (Sabtu) bertempat di parkir terbuka MOT.

Program yang disertai hampir 700 orang pegawai/ kakitangan serta keluarga di Kementerian Pengangkutan dan Jabatan/ Agensi di bawah ini turut melibatkan pelbagai aktiviti menarik lainnya seperti senaman aerobik, check-point games, jualan mini kiosk dan lain-lain lagi.

Syor Kementerian Wilayah ambil alih Bas GoKL

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Khalid bin Samad telah mengadakan program lawatan bersama ke perkhidmatan Bas GoKL dan Terminal Bas Pekeliling, Kuala Lumpur pada 18 Oktober 2018 (Khamis).

YB. Menteri Pengangkutan telah mengemukakan cadangan supaya Kementerian Wilayah mengambil alih pengurusan perkhidmatan bas percuma GoKL melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mulai tahun 2019 bagi memastikan pengangkutan awam itu dapat terus dinikmati rakyat di ibu negara.

Pada masa ini Perkhidmatan bas itu dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), membabitkan kos purata RM12 juta setahun di mana ia mula beroperasi di sekitar Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2012 dengan jumlah penumpang yang menggunakannya terus meningkat dengan purata kini 65,000 orang sehari.

Hasil kajian pada 2017 menunjukkan 60 peratus penumpang adalah warga tempatan dan 40 peratus lagi adalah warga asing termasuk pekerja dan pelancong.



Program *Retreat* Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengangkutan 2018



Program *Retreat* Pengurusan Tertinggi MOT telah diadakan pada 19 hingga 21 Oktober 2018 (Jumaat – Ahad) di Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan yang telah dihadiri oleh seramai 63 orang peserta terdiri daripada Pengurusan Tertinggi MOT, Ketua-Ketua Jabatan /Agensi di Bawah MOT dan Pegawai-Pegawai Kanan MOT.

Program *retreat* pada tahun 2018 bertujuan untuk memperkukuhkan maklum balas berkaitan pelan pelaksanaan bagi Dasar Pengangkutan Negara 2018-2030 dan juga membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan jalan raya (road safety), selain menyediakan cadangan Indikator Menteri (MPI) bagi tahun 2019.

YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook yang turut hadir dalam *retreat* ini meminta agar semua pegawai-pegawai tertinggi MOT yang bertanggungjawab bagi setiap sektor dapat memastikan perancangan dan agenda pembaharuan dilaksanakan dengan baik pada tahun hadapan.

Lawatan YBM Tengku Temenggong Kelantan ke MOT



YBM Tengku Temenggong Kelantan telah mengadakan lawatan ke MOT pada 25 Oktober 2018 (Khamis) bagi mendengar taklimat 'Pelaksanaan Projek Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu'. Sebelum mendengar taklimat tersebut, YBM Tengku Temenggong telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin bin Jaffar di pejabatnya. Taklimat mengenai projek tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia.